

Ekuinas labur RM121 juta

» *Tiga portfolio pelaburan baru babit pembuatan makanan, F&B, pendidikan*

Oleh Zuraidah Mohamed

zmohamed@bharian.com.my

Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) mengembangkan portfolio pelaburannya menerusi tiga pelaburan baru yang berjumlah RM121 juta, termasuk pelaburan sulungnya dalam industri pembuatan makanan.

Syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan itu berkata, pelaburan itu merangkumi pembelian keseluruhan kepentingan PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz) daripada CIMB Private Equity dan Prima Agri Products Sdn Bhd dengan nilai pelaburan se-

banyak RM40 juta.

PrimaBaguz yang ditubuhkan pada 1987, adalah syarikat pemprosesan daging premium halal untuk bekalan kepada restoran perkhidmatan segera serta segmen hotel, pusat peranginan dan syarikat katering berpotensi tinggi.

Pada masa sama, Ekuinas turut membuat dua pelaburan susulan dalam syarikat makanan & minuman (F&B), Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG) serta dalam portfolio pendidikan, ILMU Education Group Sdn Bhd (IEG) yang dimiliki Ekuinas.

Sedia modal tambahan

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda, berkata Ekuinas juga menyediakan modal tambahan RM48.8 juta kepada IFG yang akan digunakan bagi membantu membiayai pembelian ekuiti tambahan sebanyak 25.9 peratus daripada pemegang saham minoriti, serta suntikan modal baru dalam Cosmo Restaurants Sdn Bhd (BKM), pemilik francais dan pengendali restoran Burger King Malaysia.

Katanya, Ekuinas telah membuat pelaburan sebanyak RM68.2 juta untuk kepentingan 68.2 peratus dalam BKM pada 2011, dan sejak itu, restoran burger kedua terbesar dunia itu berjaya mengembangkan rangkaianya ke seluruh negara menerusi 49 cabangan.

“Kami telah mengembangkan lagi portfolio pelaburan langsung Ekuinas dengan tiga pelaburan baru yang bernilai RM121 juta. Bersama dengan pelaburan yang dilaksanakan oleh pengurus dana pihak ketiga di bawah Program Penyumberan Luar kami, Eku-

nas membuat pelaburan sebanyak RM238.4 juta dalam lapan buah syarikat tahun ini.

“Kami percaya pelaburan Ekuinas dalam PrimaBaguz, tepat pada masanya dengan saiz pasaran makanan halal diproses yang besar dan pesat berkembang. Kami merancang untuk meluaskan lagi perniagaan eksport PrimaBaguz secara lebih agresif, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia hab pengeluaran makanan halal sedunia,” katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Ekuinas turut mengumumkan pelaburan susulan dalam IEG, bagi membolehkan syarikat berkenaan membeli kepentingan majoriti dalam APIIT Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka), institusi pengajian tinggi swasta yang terkemuka di Sri Lanka.

IEG sebelum ini sudah memeterai perjanjian bersyarat untuk membeli 51 peratus ekuiti dalam APIIT Lanka daripada Explolanka, syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Sri Lanka.

FAKTA NOMBOR

RM238.4
juta

pelaburan dalam
8 syarikat, 2013